

28/03/2001

Pakar ekonomi sambut baik langkah galakan fiskal

Abdul Halim Yusoff

KALANGAN pakar ekonomi menyifatkan langkah penggalakkan fiskal yang diumumkan kerajaan semalam sebagai tepat pada masanya bagi membantu negara menghadapi sebarang kesan kelembapan ekonomi.

Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Mohd Arif berkata, pakej yang diumumkan itu baik untuk menggalakkan penggunaan domestik bagi mengurangkan kesan kemerosotan permintaan luaran terutama eksport ke AS.

"Walaupun baik untuk membantu meningkatkan penggunaan domestik dan merencanakan kegiatan ekonomi, ia mungkin tidak dapat menampung sepenuhnya kesan kelembapan ekonomi AS," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas pengumuman beberapa langkah rangsangan fiskal yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam usaha menangani kesan kelembapan ekonomi AS.

Antara lain, langkah itu termasuk menambah perbelanjaan RM3 bilion sebagai tambahan kepada RM28.8 bilion yang sudah diluluskan di bawah Belanjawan 2001.

Menurut Dr Mahathir, usaha itu dijangka mampu meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia sebanyak 1.1 peratus.

Sehubungan itu, pakar ekonomi mengunjurkan pertumbuhan KDNK tahun ini akan lebih rendah iaitu pada paras antara empat hingga lima peratus berbanding unjuran enam hingga tujuh peratus sebelum ini.

Mohd Arif berkata, peningkatan penggunaan domestik tidak dapat menggantikan sepenuhnya kesan yang ditanggung berikutan kemerosotan ekonomi AS, tetapi ia dapat membantu Malaysia mengekalkan pertumbuhan stabil yang berterusan.

Dengan memfaktorkan kesan daripada pengenalan langkah itu, katanya, MIER menetapkan unjuran KDNK tahun ini kepada lima peratus.

Dalam rangsangan fiskal itu, kerajaan turut mengumumkan pengurangan sumbangan kakitangan kepada Kumpulan Simpanan Wang Pekerja sebanyak dua peratus kepada sembilan peratus berbanding 11 peratus, sebelum ini untuk tempoh setahun.

Ahli ekonomi juga bersetuju kerajaan patut berusaha memastikan supaya sasaran pemberian pinjaman sebanyak lapan peratus daripada institusi kewangan dicapai kerana ia akan menggalakkan pertumbuhan industri yang mempunyai kesan limpahan yang lebih besar kepada ekonomi.

Mengenai kadar faedah semasa, mereka berpendapat kadar faedah tidak perlu diturunkan sekarang memandangkan sudah wujud kecairan yang tinggi dalam pasaran serta kadar inflasi negara juga rendah, sekitar dua peratus saja.

(END)